

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan

PERINGATAN PENTING:

KETIDAKPATUHAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 95 (a) BAGI PENGELUARAN INDEN KERAJAAN (KERJA)/ PESANAN KERAJAAN DI SISTEM iGFMS

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan, berdasarkan semakan mendapati terdapat banyak ketidakpatuhan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 95 (a) seperti berikut:

- 2.1 Penggunaan Inden Kerajaan (Kerja) bagi perolehan kerja yang **tidak dijana melalui Persekitaran Elektronik/ sistem iGFMS** untuk diserahkan kepada kontraktor **sebelum** kerja-kerja bermula; atau
- 2.2 Penggunaan Inden Kerajaan (Persekitaran Manual) tanpa justifikasi gangguan sistem iGFMS dan tiada sebarang pertanggungangan diwujudkan di sistem iGFMS; atau
- 2.3 Kelewatan mengeluarkan Inden Kerajaan (Kerja) atau kelewatan membuat Tanggungan Kontrak Kerajaan (Kerja) di iGFMS iaitu hanya setelah kerja-kerja selesai/ kontrak tamat; atau
- 2.4 Pembayaran sewaan bangunan/ ruang pejabat yang tidak dibuat Tanggungan Kontrak Kerajaan (Bekalan / Perkhidmatan) dalam sistem iGFMS oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ).

3. Perkara ini adalah **tidak selaras dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa** seperti di bawah :

- 3.1 **AP95 (a):** Tiap-tiap Pegawai Pengawal atau pegawai yang diamanah mengawal mana-mana bahagian Maksud Perbelanjaan atau Kumpulan Wang Amanah, hendaklah **menyenggara sebuah buku vot atau buku vot elektronik** yang menunjukkan dengan jelas pada bila-bila masa mengenai tiap-tiap Program dan Aktiviti atau Projek di bawah mana-mana Maksud Perbelanjaan atau Kumpulan Wang atau peruntukan di bawah kawalannya;
- 3.2 **Pekeliling Perbendaharaan, PK 4.2 – Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan dan Inden Kerajaan Bagi Perolehan Kerajaan (kemas kini 29 November 2022), Lampiran 6 – Garis Panduan Penggunaan**

Inden Kerajaan Dalam Perolehan Kerja Kerajaan (Perenggan 2.1 dan 3.3.1); dan

3.3 Pekeliling Perbendaharaan , PK 5.1 – Perolehan Menggunakan Sistem e-Perolehan (eP), perenggan 8.1- Pengecualian Penggunaan Sistem eP.

4. Sehubungan dengan itu, selaras dengan ketetapan AP dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa, berikut merupakan **tindakan serius yang perlu diambil oleh PTJ :**

4.1 **Inden Kerajaan Pelaksanaan Kerja Persekitaran Elektronik/ sistem iGFMAS** hendaklah dikeluarkan **sebelum memulakan kerja** tanpa gagal;

4.2 **Inden Kerajaan (Persekitaran Manual) hanya digunakan sekiranya terdapat gangguan sistem iGFMAS sahaja dan memerlukan kelulusan daripada Pejabat Perakaunan.** Maklumat Inden Kerajaan (Persekitaran Manual) hendaklah dikunci masuk ke dalam sistem iGFMAS sebaik sahaja sistem kembali beroperasi bagi tujuan tanggungan;

4.3 Tanggungan Kontrak Kerajaan (Kerja) hendaklah dibuat di sistem iGFMAS **sebelum** kontrak tamat / kerja selesai; dan

4.4 **Sewaan bangunan/ ruang pejabat (pengecualian eP) hendaklah dipertanggung di sistem iGFMAS melalui Tanggungan Kontrak Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan).**

5. Sebarang ketidakpatuhan dalam proses pembayaran yang berpunca daripada kecuaiian pegawai, boleh diambil tindakan sewajarnya berdasarkan ketetapan Arahan Perbendaharaan 59 (AP59).

Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs.Dr./ Tuan/ Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**